


NewspaperSG

Persisi lancar logo baru seiringi usaha pertingkat martabat sukan

Berita Harian, 31 January 2011, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL31016

Printer-Friendly Page

Persisi lancar logo baru seiringi usaha pertingkat martabat sukan

Lambang usaha letakkan pencak silat di arus nasional dengan penyertaan berbilang bangsa

SILAT

Oleh :

1 **SAPARIN RASIKIN** *saparin@sph.com.sg*

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) melangkah ke era lebih mencabar dengan memperkenalkan logo barunya dalam usaha meningkatkan martabat sukan itu yang kian mendapat perhatian di peringkat global.

Logo baru 'Tanjak' menggabungkan nilai-nilai tradisi dan idea-idea moden dan

ia sebagai simbol mahkota – lambang rasa hormat, dihormati dan kemegahan.

Dengan berbilang warna, logo tersebut turut melambangkan misi Persisi untuk meletakkan pencak silat di arus nasional dengan penyertaan berbilang bangsa di Singapura dan sebagai kegiatan sukan untuk semua golongan.

Untuk menarik penglibatan lebih besar, Persisi juga turut melancarkan laman web termasuk Facebook.

Logo baru itu dilancarkan oleh Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Dr Yaacob Ibrahim, di Kelab Masyarakat Joo Chiat kelmarin.

Presiden Persisi, Abdullah Shafie Siddik, berkata: “Selepas 35 tahun, sudah tiba masanya untuk menjenamakan semula logo Persisi, sejajar dengan peredaran masa.

“Perubahan ini melambangkan gandingan ciri-ciri tradisi pencak silat dengan keperluan era moden agar sukan ini kekal relevan dan terkini.”

Menoleh ke belakang, Abdullah mengimbas sumbangan pencak silat berupa pingat kepada negara menerusi pencapaiannya, terutama sekali dalam Sukan SEA dan Kejohanan Dunia.

“Kami juga melahirkan ramai wira dan srikandi silat yang telah mengharumkan nama negara,” tambahnya.

Beliau kemudian mendedahkan bahawa Persisi akan menubuhkan Persekutuan Silat Asia di sini tidak lama lagi dengan harapan Singapura menjadi pusat keceMERLANGAN di rantau ini.

Ketua Pengarah Eksekutif Persisi, Sheik Alauddin Yacoob, menambah pencak silat mula dipertandingkan dalam Sukan SEA 1987 di Jakarta, Indonesia.

“Sejak itu, silat terus berkembang dan pada 1999 Persisi mula mempunyai dua staf sepenuh masa dan pada tahun berikutnya Majlis Sukan Singapura (SSC) mengiktiraf silat sebagai Sukan Merit,” jelas Sheik, yang pernah muncul sebagai pemenang Kejohanan Dunia.

“Ini diikuti dengan terdirinya Pusat Kecemerlangan Silat pada 2002 dan pada 2004 silat dinaik taraf sebagai Sukan Teras (*Core Sports*).”

Menurutnya, silat terus mendapat pengiktirafan di peringkat nasional sebagai salah satu acara pertunjukan Hari Kebangsaan 2008 di Marina Bay, yang turut disaksikan oleh jutaan penonton di kaca televisyen.

“Persisi telah bekerjasama dengan SSC dalam banyak perkara termasuk mendapatkan khidmat Stone Forest Consultancy bagi membangun dasar kewangan kami untuk memastikan segala urusan berjalan dengan baik,” tegasnya.

Bagaimanapun, Sheik akur ruang untuk maju masih luas dan Persisi akan terus mengeratkan kerjasama dengan SSC dan Persatuan Rakyat (PA), yang telah memberikan sokongan mereka selama ini.

“Saya juga ingin berterima kasih kepada jawatankuasa pengurusan kerana sokongan mereka, dan begitu juga kepada para atlit dan waris mereka dalam usaha memartabatkan pencak silat ini,” tambahnya.

Dalam majlis pelancaran logo baru, Persisi turut mengadakan acara menarik pesilat-pesilat baru bagi meluaskan jaringan yang ada sekarang.

Selepas 35 tahun, sudah tiba masanya untuk menjenamakan semula logo Persisi, sejajar dengan peredaran masa. Perubahan ini melambangkan gandingan ciri-ciri tradisi pencak silat dengan keperluan era moden agar sukan ini kekal relevan dan terkini.

– **Abdullah Shafie Sidik,**
Presiden Persisi.



LAYARI ERA BARU: Dr Yaacob Ibrahim (*dua dari kiri*) melancarkan logo baru Persisi dengan diperhatikan (*dari kiri*) Abdullah Shafie Sidik, Sheil Alauddin Yaacob dan Saadiah Sanuse, penolong setiausaha Persisi. – **Foto-foto TAUFIK A KADER**

• **Foto-foto TAUFIK A KADER**



TARIK PESILAT: Dua pegawai Persisi (*dari kanan*) Kamal Yunus dan Saiedah Said, bersama dua pesilat baru adik-beradik (*dari kiri*) Nur'Aisha Begum dan Naaziya Begum Shaik Mohamed Ali bersama ibu mereka, Juminah Sulaiman.